

# Misteri mekar sang Rafflesia

Sinar Harian

23 NOV 2010

MIS 111

Di sebalik rimbunan hutan hujan tropika anugerah Tuhan di bumi Malaysia, terkandung seribu satu keunikan alam.

Antara destinasi yang masyhur dengan keunikan flora dan faunanya ialah sebuah negeri yang terletak nun jauh di ufuk Timur Malaysia yakni Sabah.

Selain memiliki puncak gunung kelima tertinggi di Asia Tenggara iaitu Gunung Kinabalu, Sabah yang juga dikenali sebagai 'Negeri di Bawah Bayu' sememangnya memiliki pelbagai tarikan pelancong yang menjulang ia sebagai salah sebuah destinasi pelancongan terbaik di rantau Asia.

Antara tarikan yang begitu popular di kalangan pelancong sekiranya berkunjung ke Gunung Kinabalu ialah sejenis flora yang terkenal dengan kemekaran dan kecantikannya yang begitu unik, tidak lain dan tidak bukan bunga gergasi Rafflesia.

Manakan tidak.. Rafflesia berupaya untuk mekar sehingga berdiameter 91 sentimeter! Keunikan ini menarik minat dan perhatian pelancong dari serata dunia untuk menyaksikan sendiri kemegahan bunga gergasi ini.

Namun, tidak kurang juga yang pulang kehampaan kerana musim mekar Rafflesia tidak menentu. Ia mengam-

bil masa antara sembilan hingga 15 bulan untuk mekar, kemudian hanya akan hidup selama tujuh hari sebelum layu dan mati.


Justeru, mereka yang sempat melihat bunga gergasi ini mekar dianggap sebagai insan bertuah! Sampai ke hari ini, persoalan bagaimana bunga ini menjalani proses pendebungaan dan bagaimana ia disebarkan ke hutan hujan tropika Sabah, masih menjadi misteri.

Jadi apa kaitan semua ini dengan perancangan kewangan?

Mungkin ada di antara kita pernah tertanya-tanya, bagaimana sesetengah orang mempunyai kewangan yang lebih baik, sedangkan kadangkala pendapatan kita melebihi pendapatan individu tersebut. Bagaimana pula seseorang itu sentiasa hidup selesa manakala yang lainnya dibebani hutang keliling pinggang? Seakan misteri, bukan?

Sebenarnya, perkara ini tidaklah se'misteri' mekar sang Rafflesia. Apa yang diperlukan ialah pelaksanaan perancangan kewangan dengan kaedah-kaedah yang betul.

Perkara ini dikongsikan oleh pihak Amanah Saham Nasional Berhad (ASNB) bersama peserta Seminar Pelaburan 360 Hari di Hospital Pitas, Kota Kinabalu, Sabah yang dihadiri oleh



•Keindahan Rafflesia ataupun bunga Pakma yang memukau.

lebih 50 orang kakitangan hospital dan juga masyarakat setempat.

Kakitangan hospital, Halimah Arman, 37, berkata seminar merupakan pendekatan yang baik dalam menguar-uarkan tentang perancangan kewangan terutamanya melalui kaedah pelaburan.

Halimah yang juga merupakan pelabur Skim Amanah Saham Bumiputera (ASB) semenjak lebih 10 tahun berpendapat seminar berjaya menyedarkan masyarakat setempat mengenai kepentingan aspek perancangan kewangan dalam kehidupan.

"Ia kerap kali dipandang enteng. Namun saya lihat seminar pada hari ini telah menarik minat orang ramai untuk melabur dalam dana-dana unit amanah ASNB menerusi penyampaian yang

jelas," katanya.

"Pelaburan boleh disamakan dengan bunga Rafflesia dari segi kemekarannya. Sekiranya rajin melabur, maka suatu hari nanti pelaburan akan menjadi matang, semekar Rafflesia dan pada masa itu kita dapat bergembira menikmati pulangan pelaburan seperti mana gembiranya kita melihat Rafflesia yang mekar megah," tambahnya lagi.

Dayang Norlisa Abd. Malek, 36, gembira dengan pengisian seminar yang disifatkannya sebagai interaktif dengan sesi soal jawab yang begitu informatif.

"Sampaikan tak cukup masa rasanya! Datanglah lagi anjurkan seminar sebegini seberapa kerap yang boleh di 'Negeri di Bawah Bayu' ini!" katanya.